

PENGUNAAN KATA PINJAMAN BAHASA TAMIL DALAM CERPEN-CERPEN TERPILIH KARYA SAROJA THEAVY BALAKRISHNAN MENGIKUT PENDEKATAN SEMIOTIK ROLAND BARTHES

Ms. Joanna Janaet A/P Joseph
Dr. Manonmani Devi d/o M.A.R Annamalai

ABSTRAK

Pertukaran kod budaya menjadi satu proses lumrah dalam masyarakat bilingual dan multilingual. Hasilnya, dalam karya kreatif turut wujud proses pinjam-meminjam daripada bahasa lain. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kosa kata pinjaman bahasa Tamil yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih karya Saroja Theavy Balakrishnan, mengkategorikan dan seterusnya mengupaskan makna kata pinjaman bahasa Tamil yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih karya Saroja Theavy Balakrishnan. Dalam analisis ini berfokus kepada kosa kata pinjaman bahasa Tamil. Selain itu, pembicaraan tentang kata pinjaman bahasa Tamil dalam cerpen-cerpen terpilih karya Saroja Theavy Balakrishnan dalam kajian ini hanya akan menggunakan Teori Semiotik yang dikemukakan oleh Roland Barthes, (1977). Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih kaedah kualitatif iaitu kajian kepustakaan dan analisis kandungan teks. Kaedah kepustakaan ini digunakan untuk mengkaji dan menganalisis tentang sejarah pertembungan bahasa Tamil dengan bahasa Melayu, mendapat maklumat mengenai pengarang dan kata pinjaman bahasa Tamil dalam bahasa Melayu serta teori-teori yang berkaitan dengan penyelidikan. Terdapat pelbagai pandangan dalam kalangan linguistik terhadap penggunaan istilah yang merujuk kepada kemasukan kosa kata bahasa Tamil ke dalam bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, kajian ini menghuraikan konsep budaya dalam pendekatan teori Roland Barthes. Hasil penelitian mendapati istilah peminjaman kosa kata lebih sesuai digunakan kerana sesuatu kata yang dipinjam akan menjelaskan budaya sesuatu masyarakat. Dalam cerpen-cerpen karya Saroja Theavy Balakrishnan dapat dikenal pasti sebanyak 22 patah perkataan bahasa Tamil telah digunakan oleh penulis. Keadaan ini menunjukkan Saroja Theavy Balakrishnan menggunakan agak banyak kata pinjaman bahasa Tamil untuk menyampaikan budaya masyarakat India kepada pembaca berbilang kaum. Walau bagaimanapun peminjaman perkataan bahasa Tamil haruslah dilakukan secara berhati-hati dan untuk melihat proses peminjaman ini dari sudut sebab, fungsi dan kesan yang tertentu proses ini terhadap ayat.

Kata kunci: Kata, Pinjaman, Tamil, Melayu, Saroja Theavy Balakrishnan

PENGENALAN

Bahasa Melayu merupakan bahasa pertuturan di alam Melayu. Alam Melayu yang terletak di kawasan laluan perdagangan yang utama telah memberi kesan kepada perkembangan bahasa ini. Pada masa silam iaitu sejak melebihi 1,000 tahun yang lalu, bahasa Melayu telah memperlihatkan sejarah pertembungan dengan masyarakat dan budaya lain (Khalid M. Hussein, 1978). Pertembungan ini membawa kepada pelbagai perubahan dalam kehidupan masyarakat Melayu di rantau ini. Salah satu perubahan tersebut ialah pertembungan ini mengakibatkan berlakunya proses peminjaman perkataan (Zainal Abidin, 1965). Proses pinjam-meminjam ini terjadi hasil pertembungan dengan pelbagai masyarakat luar yang hadir di kawasan alam Melayu ini. Secara umumnya, maksud peminjaman telah dinyatakan oleh Hyman, L.M. (1975) seperti berikut "...the attempted reproduction in one language of patterns previously found in another...".

Menurut pendapat ini peminjaman dalam bahasa merujuk kepada satu proses meminjam kata-kata daripada satu bahasa oleh bahasa yang lain untuk kepentingan tertentu. Peminjaman bahasa berlaku apabila sesuatu bahasa bertembung dengan bahasa yang lain (Prasanth, 1995). Secara ringkasnya, fenomena ini berlaku apabila terdapat dua atau lebih bahasa dituturkan dalam sesebuah komuniti bahasa atau masyarakat. Masyarakat ini dikenali sebagai masyarakat dwibahasa atau multibahasa. Situasi ini merupakan relaiti yang wujud dalam masyarakat Melayu. Sehubungan dengan itu, menurut Winstedt (1996) pertembungan bahasa Melayu dengan bahasa lain di Malaysia berlaku mengikut aliran pengaruh budaya yang datang dan menyerap ke dalam budaya Melayu.

LATAR BELAKANG

Sebagai kesimpulan, dapat dikatakan bahawa bahasa Tamil telah bertapak di alam Melayu sebelum bahasa Sanskrit. Walau bagaimanapun, bahasa Tamil seolah-olah tidak menonjol disebabkan sistem kasta yang diperkenalkan oleh orang Aryan (Zainal Abidin, 1965). Dengan itu, bahasa Sanskrit, iaitu bahasa orang Aryan, mendapat tempat teratas dan sekali gus bahasa mereka disegani oleh segala lapisan masyarakat di alam Melayu. Di India, bahasa Sanskrit yang merupakan bahasa kaum atasan (Brahmin) telah digunakan sebagai alat untuk merekodkan ajaran agama walaupun bilangan penutur bahasa ini tidak ramai dan bahasa ini terbatas kepada segelintir orang terpelajar sahaja (Ismail, 1992). Hal inilah yang menyebabkan bahasa lain di India, seperti bahasa Tamil kurang menonjol berbanding dengan bahasa Sanskrit. Walau bagaimanapun, pertembungan bahasa Tamil (Dravidia) dengan bahasa Sanskrit (Aryan) telah berlaku dan dengan demikian, aktiviti pinjam-meminjam antara kedua-dua bahasa ini juga tidak dapat dielakkan.

PERNYATAAN MASALAH

Penglibatan kaum India dalam dunia persuratan Melayu banyak bergantung kepada cita rasa dan kebolehan menguasai bahasa Melayu. Hal ini penting kerana ramai penulis bukan Melayu turut menyemarakkan dunia penulisan sastera Melayu. Kemampuan golongan penulis bukan Melayu ini sudah terserlah dalam mengungkapkan ilham mereka dalam penulisan kreatif dengan menggunakan bahasa Melayu.

Kita perlu mengakui bahawa penglibatan penulis India dalam persada sastera Melayu tanah air merupakan satu perkembangan yang sihat, menarik dan wajar disambut baik oleh masyarakat Melayu khususnya tanpa sebarang prajudis kerana ini dapat melahirkan kosa kata baru dalam kalangan pembaca (Rozininah Abd. Aziz, 2004). Namun demikian, dalam kalangan pembaca kaum melayu dan cina masih ada kekeliruan untuk memahami kosa kata serapan yang digunakan dalam cerpen-cerpen karya india. Hal ini kerana golongan pembaca terutamanya khalayak pembaca Melayu mempunyai kekurangan kosa kata dan hal ini akan menimbulkan masalah kepada mereka. Memandangkan masalah ini kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kosa kata pinjaman daripada bahasa Tamil yang terdapat dalam karya berbahasa Melayu itu untuk mengurangkan kekeliruan pembaca. Di samping itu, khalayak pembaca daripada tradisi budaya dan agama yang berbeza kemungkinan besar menghadapi masalah untuk menfaisir petanda-petanda budaya yang diselitkan oleh penulis yang berketurunan India dalam karya mereka. Oleh hal yang demikian perlu ada usaha untuk menyelami makna simbol-simbol itu untuk mengenal pasti dan memahami minda masyarakat Malaysia yang berbilang kaum ini. Menyedari keperluan ini kajian ini cuba menafsir beberapa simbol yang digunakan dalam cerpen-cerpen terpilih yang dinukilkan oleh Saroja Theavy ini. Selain itu, kajian ini dilakukan kerana pada era globalisasi ini pemahaman dan toleransi budaya kaum antara satu sama lain amat membimbangkan. Jika wujud pemahaman akan terbit rasa hormt-menghormati sesama pelbagai kaum di Malaysia yang seterusnya memantapkan perpaduan. Namun demikian sejauh manakah karya-karya penulis pelbagai kaum ini menjadi wadah yang mengungkapkan pemahaman pembaca masih belum dikaji. Menyedari kelompangan ini maka kajian ini cuba berusaha untuk mengenal pasti masalah ini.

TUJUAN KAJIAN

Keperluan mengkaji kumpulan cerpen karya Saroja Theavy Balakrishnan adalah kerana penulsi tersohor berbangsa India ini sememangnya menjadikan agen atau tali penghubung antara sastera pelbagai kaum di negara kita. Selain itu, karya penulis ini dapat mempertahankan identiti dan budaya masyarakat dalam karya berbahasa Melayu yang dihasilkannya. Selain membantu memperkayakan sastera bahasa Malaysia, karya seumpama ini juga menyumbang ke arah membentuk persefahaman dalam kalangan masyarakat majmuk antara satu sama lain (Uthaya Sankar, 1994).

Selain itu, kajian ini akan membantu kita untuk memahami kebudayaan orang India dengan lebih mendalam dan menyeluruh. Hal ini secara tidak langsung mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat yang terpisah dari segi bahasa dan budaya. Karya Saroja Theavy Balakrishnan ini juga memberi peluang untuk kita meningkatkan kosa kata pembaca Melayu berhubung masyarakat Tamil di Malaysia. Melalui kosa kata baharu tersebut pembaca dapat memahami kata-kata pinjaman yang digunakan dalam karya penulis India.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai tiga ojektif. Antara objektifnya adalah untuk:

1. Mengetahui kosa kata pinjaman bahasa Tamil dibawah kod budaya jenis psikologi yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih karya Saroja Theavy Balakrishnan.
2. Mengkategorikan kata pinjaman bahasa Tamil dibawah kod budaya jenis psikologi yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih karya Saroja Theavy Balakrishnan mengikut pendekatan Semiotik Roland Barthes.
3. Mengupaskan makna kata pinjaman bahasa Tamil dibawah kod budaya jenis psikologi yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih karya Saroja Theavy Balakrishnan mengikut pendekatan Semiotik Roland Barthes.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif untuk menganalisis penggunaan kata pinjaman bahasa Tamil dalam kumpulan cerpen karya Saroja Theavy Balakrishnan berdasarkan objektif-objektif kajian. Kaedah ini memberatkan usaha untuk mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Kajian kualitatif memberi perhatian kepada penghasilan makna untuk memahami fenomena sosial. Kajian ini juga memerlukan kaedah penghuraian data yang berbeza iaitu tidak menggunakan nombor untuk mewakili idea-idea tetapi menulis huraian naratif yang panjang yang kemudiannya disimpulkan dan dikelaskan mengikut variasi tertentu. Dalam mengkaji penggunaan kata pinjaman bahasa Tamil dalam kumpulan cerpen karya Saroja Theavy Balakrishnan pengkaji menggunakan kaedah penelitian kualitatif deskriptif. Seterusnya, kaedah pengkategorian kualitatif deskriptif serta teknik kajian perpustakaan dan analisis kandungan teks akan digunakan dalam kajian ini.

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Bahagian ini menjawab objektif kajian secara terperinci. Menganalisis kata pinjaman bahasa Tamil dalam kumpulan cerpen karya Saroja Theavy Balakrishnan.

Terdapat 13 patah perkataan dibawah kod budaya jenis psikologi pedekatan Semiotik Roland Barthes; iaitu Acci, Amma, Kathavetti, Kaunder, Kungemum, Maha Laksmi, Murugan perummal, Pillay, Potthu, Sri Laksmi, Sulukaapu, Tatha dan Thali. Perkataan-perkataan tersebut digunakan dalam kumpulan cerpen Segugus Aksara Sealur Kasih dan Gemerlapan. Jadual 4.6 menunjukkan dua perkataan pinjaman Tamil yang terdapat dalam kumpulan cerpen Saroja Theavy Balakrishnan mengikut teori semiotik Roland Barthes di bawah kod budaya jenis psikologi. Kod psikologi di bahagikan kepada 3 bahagian. Dari segi sistem panggilan terdapat 6 patah perkataan. Iaitu Acci, Amma, Kathavetti, Kaunder, Pillay dan Tatha. Selain itu terdapat juga perkataan-perkataan bahasa Tamil yang menunjukkan sistem budaya masyarakat Tamil; iaitu Kungemum, Potthu, Sulukaapu dan Thali. Perkataan-perkataan bahasa Tamil yang menunjukkan identiti agama dan sistem kepercayaan adalah Maha Laksmi, Murugan perummal dan Sri Laksmi.

Jadual 1.1 Kata pinjaman bahasa Tamil yang terdapat dalam kumpulan cerpen karya Saroja Theavy Balakrishnan mengikut pendekatan Semiotik Roland Barthes (Psikologi)

Bil	Kata Pinjaman Bahasa Tamil	Perkataan Tamil dalam Tulisan Tamil Transliterasi	Cerpen
1	Acci	Ācci	Gemerlapan
2	Amma	Am'mā	Gemerlapan
3	Kathavetti	Kāttuvetti	Gemerlapan
4	Kaunder	Kavunṭar	Segugus Aksara Sealur Kasih
5	Kungemum	Kuṅkumam	Kasih Ambujem
6	Maha Laksmi	Makā ilaṭcumi	Segugus Aksara Sealur Kasih
7	Murugan perummal	Murukap perumāl	Segugus Aksara Sealur Kasih
8	Pillay	Pillai	Anggerik Berkembang di Puncak Hati
9	Potthu	Poṭṭu	Kasih Ambujem
10	Sri Laksmi	Srī ilaṭcumi	Kandasami
11	Sulukaapu	Cūl kāppu	Mendampa Puyu di Air Jernih
12	Tatha	Tāttā	Tatha
13	Thali	Tāli	Segugus Aksara Sealur Kasih

Menurut Sumalee Nimmanupp (1994) sistem panggilan ialah perkataan yang tertentu yang digunakan oleh seseorang yang menyapa atau menunjukan sapaanya kepada seseorang lain. Penggunaan kod budaya Tamil untuk merujuk sistem panggilan dalam cerpen ini menunjukkan bahawa pengarang sedar bahawa budaya sistem panggilan pada era ini menjadi semakin bersifat tradisional. Di bahagian Tenggara di Tamil Nadu, kasta yang digelar sebagai 'Chetti' sering menggunakan perkataan Acci untuk memanggil perempuan yang telah berkahwin dalam kalangan keluarga sendiri (Ramakrishnan, 2019).

Cara untuk berkomunikasi dengan sopan adalah dengan mewujudkan bentuk panggilan yang menekankan aspek kesantunan dalam suatu masyarakat. Lantaran itu, akan terbentuklah sistem panggilan dan rujukan tersendiri dalam sesuatu masyarakat (Sa'diah Maalip, 2000). Sistem panggilan bagi sesuatu masyarakat biasanya ditentukan oleh amalan masyarakat itu sendiri berdasarkan norma dan budaya masyarakat tertentu. Dalam budaya India, Amma dan Tatha adalah sesuatu sistem panggilan dipanggil kepada perempuan yang lebih tua dan lelaki yang paling tertua dalam keluarga.

Sistem kasta merupakan salah satu institusi daripada penting masyarakat India (Thirunavukkarasu, 1978: 14). Sistem kasta merupakan suatu sistem stratifikasi yang berdasarkan tradisi masyarakat India. Sistem ini berdasarkan kepadawarisan dan terus dikekalkan melalui amalan agama dan undang-undang. Dalam kajian ini, terdapat tiga sistem kasta yang digunakan oleh Saroja Theavy Balakrishnan dalam cerpen. Kathavetti adalah salah satu sistem panggilan bagi sesuatu kumpulan kasta yang berciri pekerjaan. Perkerjaan merupakan salah satu faktor utama yang membezakan satu kasta daripada kasta lain. Tiap-tiap kasta mempunyai jenis-jenis pekerjaan yang tertentu. Oleh hal yang demikian seseorang individu tidak boleh mendapat pekerjaan yang mereka sukai melainkan menerima pekerjaan yang telah ditentukan. Selain itu, keanggotaan kasta ditentukan secara warisan dan ditentukan semasa ia dilahirkan serta tidak dapat diubah. Amalan penggunaan nama kasta seperti Pillay dan Kaunder bersama-sama nama turut diselitkan oleh Saroja Theavy Balakrishnan dalam cerpennya.

Adat merupakan satu perkataan yang sering kita dengar dalam kehidupan kita. Jika ditelusuri dari sudut etimologi, perkataan 'adat' dimaksudkan kebiasaan atau peraturan yang telah ditetapkan oleh sesuatu masyarakat dan harus dipatuhi. Adat juga berfungsi sebagai peraturan masyarakat yang tidak tertulis di dalam undang-undang secara rasmi (Sivasangarie, 2004: 11). Beberapa adat harian masyarakat India turut digunakan untuk menggambarkan realiti masyarakat India dalam cerpen nukilan Saroja Theavy Balakrishnan. Kungemum, potthu, sulukaapu, dan thali adalah tanda-tanda adat masyarakat India yang terdapat dalam cerpen-cerpen karya Saroja Theavy Balakrishnan.

Dalam tradisi masyarakat India thali merupakan simbol-simbol suci perkahwinan yang diikat atau digantungkan di leher pengantin perempuan. Kungumem dan potthu akan dipakai diatas dahi pengantin perempuan selepas perkahwinan. Jika suami seseorang wanita itu meninggal dunia, thali itu handaklah ditanggalkan. Selain itu, wanita yang kematian suami juga dilarang meletakkan potthu kungumem, memakai bunga serta penggunaan sari berwarna putih diharuskan. Pantang larang tersebut turut diikuti oleh orang India di Malaysia kecuali adat memakai sari atau pakaian putih (Rajantharan dan Manimaran, 1994: 123-124).

Menurut Arasaratnam (1970: 162) majoriti masyarakat India yang dibawa masuk ke Tanah Melayu beragama Hindu. Manimaran dan Rajantharan (2006: 113) pula menyatakan bahawa lapan peratus daripada masyarakat Malaysia beragama Hindu. Di Malaysia penganut agama Hindu memperlihatkan pelbagai konsep, pendapat, penjelasan dan kepercayaan yang berbeza mengenai konsep ketuhanan. Maha Laksmi, Sri Laksmi dan Murugan perummal adalah tanda-tanda tuhan dalam agama Hindu. Seseorang pembaca yang bukan beragama Hindu juga dapat membayangkan cara seseorang individu bersembayang melalui membaca cerpen-cerpen karya Saroja Theavy Balakrishnan.

KESIMPULAN

Penggunaan perkataan Tamil yang agak ketara dalam cerpen nukilan Saroja Theavy Balakrishnan. Antaranya ialah kumpulan cerpen Gemerlapan dan Keinginan Kecil di Celah Daun. Jika diteliti dengan lebih halus lagi dapat dirumuskan bahawa kemasukan perkataan-perkataan Tamil ini dalam cerpen Melayu ini bukan sahaja memperkaya bahasa Melayu tetapi menjadi wadah untuk memperkenalkan budaya keunikan masyarakat India kepada pembaca cerpen Melayu yang berbilang kaum. Secara tidak langsung khalayak pembaca cerpen Melayu bukan India dapat mengenali dan menghayati beberapa kosa kata bahasa Tamil.

REFERENCES

- Arasaratnam, S. (1970). *Indian in Malaysia and Singapore*. London: Oxford Univerisiti Press.
- Hyman, L. M. (1975). *Phonology: Theory and Analysis*. New York: Holt, Rinehart and Winson.
- Ismail Hussein. (1992). *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khalid M. Hussein. (Julai 1978). Kata-kata Pinjaman Bahasa Sanskerta dalam Bahasa Malaysia. *Jurnal Dewan Bahasa*, 470-92.
- Manimaran, S., & Rajantharan M. (2006). Indian Malaysian: Origin, Classification, Kinship and Religious Beliefs. *Journal of Indian Studies*.
- Prasanth. (1995). *Sejarah Dunia SPM*. Kuala Lumpur: Pan Asia Publications Sdn. Bhd.
- Rajantharan, & Manimaran, S. (1994). *Adat Dan Pantang Larang Orang India*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Ramakrishnan. (2019). *Tamil - malaiyāla uravu*. Chennai, India: Parisal Publications.
- Rozinah Abd. Azib. (2004). Penulis Kaum India mula menyengat. *Dewan Sastera*.
- Sa'adiyah Ma'lip. (2000). Kata Panggilan Kekeluargaan Masyarakat Portugis: Tinjauan diPerkampungan Portugis. *Jurnal Dewan Bahasa*.
- Sivasangarie Perumal. (2004). *Fungsi Adat Perkahwinan Masyarakat India dan Perubahannya*. Tesis Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaya.
- Sumalee Nimmanupp. (1994). *Sistem Panggilan Dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Thai: Satu Analisis Sociolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thirunavukkarasu, K. T. (1978). *Peraciriyar Mu Varataracannarin Pataippilakkiyam*. Madras: Universiti of Madras.
- Uthaya Sankar, SB. (12 Februari 1994). Sastera Malaysia: Satu Bahasa, Pelbagai Budaya. *Utusan Malaysia*, 4.
- Winstedt. (1996). *A History of Classical Malay Literature*. Petaling Jaya: Malayan Branch of The Royal Asiatic Society.
- Zainal Abidin Ahmad. (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ms. Joanna Janaet A/P Joseph
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia
Email: jjanet447@gmail.com

Dr. Manonmani Devi d/o M.A.R Annamalai
Pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia
Email: devi_140768@yahoo.com